

30 peratus wanita pembuat dasar tak boleh diabaikan

Putrajaya: Usaha mencapai sasaran sekurang-kurangnya 30 peratus wanita di peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan korporat, tidak boleh diabaikan, sebaliknya perlu diteruskan kerajaan.

Penyandang, Kursi Kepimpinan Wanita Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Tan Sri Dr Rafiah Salim, berkata berdasarkan analisis Bursa Malaysia, sehingga Mac lalu, hanya 14.2 peratus pengarah wanita dalam senarai ahli lembaga pengarah syarikat senaraian awam (PLC) di Bursa Malaysia.

Beliau berkata, angka itu sekaligus memberi petunjuk bahawa sasaran sekurang-kurangnya 30 pe-

ratus wanita di peringkat pembuat keputusan di sektor awam dan korporat pada 2020 mustahil untuk dicapai.

Beliau berkata, selain itu, 115 daripada 931 PLC di Bursa Malaysia melantik lebih 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarahnya.

"Hanya 18 daripada 100 PLC utama di Bursa Malaysia, melantik lebih 30 peratus wanita sebagai ahli lembaga pengarahnya, dan tujuh PLC langsung tidak melantik golongan berkenaan untuk jawatan itu. Kita hanya ada kira-kira 17 bulan lagi untuk ke tahun 2020, mustahil untuk dicapai sasaran itu.

**Fakta
nombor**

14.2 PERATUS

pengarah wanita dalam senarai ahli lembaga pengarah syarikat senaraian awam (PLC) di Bursa Malaysia sehingga Mac lalu

Tidak boleh abai usaha

"Disebabkan itu, kerajaan tidak boleh mengabaikan usaha ini. Kita sudah melaburkan wang yang banyak untuk membangunkan wanita di negara ini, terutama daripada segi pendidikan dan buktinya, kini 70 peratus wanita di universiti.

"Wanita sekarang mahir dan berbakat. Jadi, mereka mesti diletakkan pada tahap dan tempat yang sepatutnya. Kenapa perlu dibazirkan?" katanya pada sidang media selepas berucap pada Majlis *Launchon Talk: Women Directors in Men World* di sini, semalam.

Rafiah berkata, sehubungan itu, kumpulan strategik khusus bagi

membincangkan usaha ke arah mencapai sasaran itu perlu diwujudkan, jika tidak peranan, kemahiran dan bakat wanita di negara ini akan terus disia-siakan.

"Saya harap kumpulan strategik ini ditubuhkan dan kita bersedia memberi pandangan kepada kerajaan hari ini, bagaimana untuk mencapai hasrat itu.

"Kita lihat aliran menurun juga dalam sektor awam. Lihat saja berapa ramai wanita dilantik sebagai Ketua Setiausaha (KSU) kementerian? Ini bukan masalah wanita tidak mahu tetapi mereka tidak diberikan peluang sebenarnya. Ini yang sangat membimbangkan saya," katanya.